

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read


Cabaran pulihara ekosistem pesisir pantai sebagai benteng tsunami
21 Sep 2011
Harian Ekspres (KK)
Tempatan
N/A
Daily
29,826 / 97,836

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
I-9
887 cm²
Full Color
4,569
13,707



Cabaran pulihara ekosistem pesisir pantai sebagai benteng tsunami



KEJADIAN tsunami 2004 di Lautan Hindi berdekatan utara Sumatera, menjadi mimpi ngeri penduduk dari 18 negara termasuk utara Malaysia, nyata mengubah persepsi umum terhadap alam semula jadi.

Sana sini orang bercakap dan memberi seribu macam pandangan tentang kepentingan ekosistem persisiran pantai, malah ada yang menyelar kegagalan pihak tertentu untuk memperkayakan ekosistem semula jadi bagi menghalang kemusnahan harta benda dan nyawa.

Tetapi itu hanyalah seketika.

Sudah menjadi lumrah manusia yang mudah lupa, pembangunan dan tebus guna tanah persisiran pantai negara terus berleluasa tanpa mengambil kira aspek keselamatan dari sudut keseimbangan ekosistem, sehinggalah dunia dikejutkan semula dengan bencana tsunami terbesar dunia awal tahun ini.

Tsunami yang berlaku pada

Headline	Cabarn pulihara ekosistem pesisir pantai sebagai benteng tsunami	Language	Malay
Date	21 Sep 2011	Page No	I-9
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	887 cm²
Section	Tempatan	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	4,569
Frequency	Daily	PRValue	13,707
Circ / Read	29,826 / 97,836		

11 Mac lepas, memusnahkan kira-kira separuh daripada persisiran pantai Timur Laut Jepun.

Lebih 15,000 kematian disahkan manakala angka yang hilang hampir mencecah 8,000 orang. Keadaan diburukkan lagi apabila 300 hospital di Jepun rosak teruk malah 11 daripadanya musnah sama sekali.

Paling menakutkan, kesan krisis nuklear yang berlaku terlalu rumit dengan sekurang-kurangnya tiga reaktor nuklear rosak teruk hingga meletup dan melepaskan bahan radioaktif dalam kuantiti yang besar lantas mencemarkan udara, tanah dan air laut.

Tidak cukup dengan itu, kebocoran nuklear pula mengakibatkan paras radiasi segera meningkat antara lapan hingga sekurang-kurangnya 1,000 kali ganda berbanding paras normal.

Sukar untuk membayangkan betapa payahnya kehidupan orang awam yang terpaksa bergelut dengan darurat dan ketiadaan makanan ekoran kesan radioaktif mencemari sumber air minuman dan sumber protein utama mereka iaitu makanan laut.

Impak daripada bencana itu diisytiharkan sebagai 'malapetaka maha dahsyat' atau apokalips oleh Suruhanjaya

Tenaga Eropah dan semua itu berlaku di negara yang menggunakan teknologi paling maju, cekap serta rakyat yang paling berdisiplin.

Gerun bukan? Jelas sekali, peristiwa tsunami pasti akan berulang, bahkan tiada negara di dunia yang berupaya menahannya. Tetapi sekurang-kurangnya kita mampu mencari jalan mitigasi bagi mengurangkan impak kejadian sebegini.

Ini disetujui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Aзийah Mohamed, yang yakin bahawa pelbagai usaha R&D bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti hutan persisiran pantai oleh saintis tempatan mampu menjadi benteng yang berkesan daripada pukulan tsunami.

Secara fizikal, peranan hutan persisiran pantai iaitu tumbuhan bakau di tanah berlumpur atau tumbuhan jenis rhu di tanah berpasir boleh mengurangkan kesan gelombang ombak termasuk pergerakan angin ribut dari arah laut di samping mengurangkan hak-

isan.

Hutan bakau mempunyai peranan penting untuk memerangkap enapan sekaligus menambak pantai secara semula jadi, serta sebagai lokasi pembiakan pelbagai jenis hidupan laut, yang mana kemusnahan ekosistem semulajadi hutan bakau akan menyebabkan sumber makanan utama negara menjadi kritikal.

"Kita perlu bersyukur kerana memiliki keunikan yang banyak memberi manfaat kepada manusia secara langsung atau tidak langsung," kata Aзийah.

Lantas atas kepentingan itu, NRE memberikan perhatian istimewa terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hutan persisiran pantai terutama hutan bakau dengan memulakan 'Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Sesuai di Persisiran Pantai Negara' yang dilancarkan pada 14 April 2005 sebagai respon terhadap tsunami 2004.

"Untuk Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9), sebanyak RM8 juta daripada RM40 juta diperuntukkan dalam program itu, dikhaskan untuk aktiviti R&D, manakala pada RMK-10

sebanyak RM200,000 diperuntukkan untuk program itu", jelas Aзийah.

Dalam tempoh RMK-9, projek kebangsaan itu berjaya menanam sebanyak 5.87 juta pokok bakau dan spesies lain yang sesuai di kawasan seluas 2,260 hektar di seluruh negara.

Berhadapan dengan pelbagai cabaran fizikal seperti vandalisme, pencemaran, malah keadaan tidak menentu cuaca dan badai yang menghanyutkan anak pokok, kadar kejayaan program pasti sukar diramal.

Berdasarkan pemantauan terhadap 393 lokasi, Aзийah berkata, sebanyak 171 lokasi berjaya mencapai peratus hidup melebihi 80 peratus, manakala 73 lokasi yang lain berjaya mencapai peratus hidup antara 51 dan 79 peratus.

Walaupun ini boleh dianggap baik, lokasi selebihnya hanya mencapai kadar kejayaan kurang separuh.

"Ini membuktikan input R&D sangat penting bagi membantu kita mencapai prestasi kadar pertumbuhan pokok yang lebih baik," ujarnya sambil menambak program penanaman khususnya di lokasi berlumpur adalah berbahaya, justeru

teknik penanaman dengan kadar kejayaan yang lebih tinggi amat diperlukan.

Jelasnya, program penanaman nasional itu adalah kerjasama erat serta bersinergi di antara Jawatankuasa Teknikal Perancangan dan Pelaksanaan (JTTP) yang diterajui oleh Jabatan Perhutanan manakala Jawatankuasa Teknikal penyelidikan dan Pembangunan (JTRD) dipengerusi oleh FRIM.

JTRD terdiri daripada penyelidikan FRIM, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), antara lain mengkaji kaedah penanaman terbaik bagi memulihkan semula hutan persisiran pantai daripada hakisan pantai selain mengkaji komposisi, kepentingan dan pengkomersialan hutan bakau.

Sekurang-kurangnya 40 hasil usaha R&D pasukan JTRD yang dilakukan sejak tahun 2005, telah berhasil dan dibentangkan dalam 'Seminar Kebangsaan: Projek-projek Penyelidikan (R&D) Bagi Hutan persisiran Pantai di Malaysia:

Halatuju R&D dan Pelaksanaannya' di FRIM baru-baru ini.

Antara hasil penyelidikan yang menarik dan perlu digunakan ialah 'Potensi teknik Comp-Mat dan Teknik Comp-Pillow untuk penanaman bakau di pesisir pantai', 'Serangga perosak pokok bakau dan kaedah pengawalannya', 'Penstabilan pantai yang terkakis untuk menanam pokok hutan api-api sebagai pelindung dan hasil sumber semulajadi' dan 'Penanaman Bakau dan Rhu di Semenanjung Malaysia: Masalah sosio-ekonomi dan langkah penyelesaian'.

Aзийah menjelaskan bahawa kementerian sedia maklum bahawa tugas pemuliharaan persisiran pantai dan termasuk usaha R&D amat sukar dan mencabar, malah di sesetengah lokasi, petugas bagaikan terpaksa bersabung nyawa bagi melakukan penanaman dan mengumpul data demi kepentingan umat seagat.

"Justeru, kita amat memerlukan sistem hak cipta intelek yang lebih baik bagi melindungi saintis dan pasukan R&D supaya mereka berupaya mencapai potensi terbaik dalam memberi sumbangan kepada dunia," ujar beliau.

Beliau mengakui bahawa dalam usaha mengimbangi pembangunan dan pemuli-

haaran khazanah hutan negara secara lestari, Kerajaan menerima tekanan untuk meneroka hutan persisiran pantai negara bagi memberi laluan kepada pelbagai jenis pembangunan seperti projek perumahan, pertanian, penternakan dan akuakultur.

"Hakikatnya, sejak dua dekad kebelakangan ini, kira-kira 18 peratus kawasan hutan paya laut dan persisiran pantai Semenanjung terpaksa dikorbankan untuk pembangunan bagi menampung pertumbuhan populasi manusia dan perkembangan ekonomi," ujarnya.

Meskipun begitu, kata Aзийah, negara masih berjaya melaksanakan cara pembangunan mampan iaitu memelihara alam semula jadi tanpa mengorbankan aspek ekonomi.

Mengenai dakwaan bahawa negara penyumbang gas rumah hijau karbon dioksida utama dunia, Aзийah menjelaskan, berbeza dengan negara maju, Malaysia yang berstatus negara membangun belum terikat dengan peraturan kawalan pelepasan karbon, tetapi beliau menyeru agar masyarakat lebih prihatin terhadap isu ini.

"Namun, berbanding dengan banyak negara lain, kita mengekalkan liputan hutan seluruh negara sebanyak 56 peratus, iaitu lebih tinggi berbanding penetapan 50 peratus oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa Persidangan Rio (Rio Summit)," jelasnya.

Justeru, katanya, Malaysia sebenarnya memberi sumbangan positif untuk dunia dalam memampan aktiviti pemanasan global.

Beliau turut melahirkan rasa terkilan apabila mendapati masih banyak pihak yang kurang pengetahuan dan enggan menghargai peranan penting hutan paya laut dan persisiran pantai, hingga menyebabkan ia dimusnahkan tanpa mengambil kira impak kemusnahan itu.

Katanya, tekanan sosial tidak dapat dielakkan lantaran kawasan persisiran pantai sangat strategik dan mempunyai populasi manusia yang akan sentiasa meningkat.

"Lantas, penglibatan orang awam amat diperlukan bagi membantu menguruskan tekanan ini, terutama untuk menyokong program penanaman tumbuhan persisiran pantai ini," ujarnya. - Bernama

Headline	Cabarn pulihara ekosistem pesisir pantai sebagai benteng tsunami	Language	Malay
Date	21 Sep 2011	Page No	I-9
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	887 cm²
Section	Tempatan	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	4,569
Frequency	Daily	PRValue	13,707
Circ / Read	29,826 / 97,836		



AZIYAH (tiga, kiri) melancarkan buku Status of Mangroves in Peninsular Malaysia sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Latif Mohmod (dua, kanan), baru-baru ini. – fotoBERNAMA